

Kekuatan Hakiki

Daripada Abu Hurairah RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرْعَةِ، إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْغَضَبِ

Maksudnya: "Bukanlah orang yang kuat itu dengan gagahnya bergusti, tetapi sebenarnya orang yang gagah ialah yang dapat menahan nafsunya ketika marah."

Hadis *muttafaq alaihi*. Riwayat al-Bukhari (5763) dan Muslim (107)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Hadis ini menunjukkan bahawa gagah yang sebenar iaitu sesiapa yang dapat menahan sifat marah kerana manusia mempunyai dua bahagian, iaitu zahir dan batin. Zahir yang mewakili anggota lahir sebenarnya ibarat pekerja-pekerja yang melaksanakan kehendak batin iaitu hati. Justeru, gagahnya fizikal bukanlah sebenar hakikat gagah atau kuat. Sebaliknya dengan kentalnya hati dan penguasaannya dari segala sifat yang tidak baik seperti marah merupakan kekuatan yang hakiki.
2. Hadis ini juga menunjukkan larangan daripada sifat marah, iaitu janganlah bersifat marah jika tidak ada sebabnya. Tetapi janganlah pula diam jika kehormatan peribadi dan agama dihina dan dicerobohi orang. Kesimpulannya, dapat menahan marah adalah punca akhlak yang mulia dan kelakuan hidup seseorang yang baik. Manakala seorang yang bersifat pemarah atau panas baran adalah orang yang buruk perangainya dan tidak mungkin diadakan

sebarang budi bicara atau perundingan dengan orang seperti ini.

3. Mengikut satu hikayat: Seorang khadam yang membawa hidangan makanan kepada tuannya, kemudian dengan tidak disangka-sangka jatuhlah ia ke atas hamparan yang telah disediakan bersama dengan hidangan itu. Lantas tuannya marah kepadanya, kemudian beliau berkata: “Cubalah ingat firman Allah SWT.” Tuannya bertanya: “Apakah firman Allah SWT?” Jawabnya:

وَالْكٰذِبِيْنَ الْغٰثِيْنَ

Maksudnya: *Dan orang-orang yang menahan kemarahannya.*

(Surah ali-Imran: 134)

Kemudian tuannya berkata: “Aku menahan kemarahanku”. Lantas khadam tersebut berkata: Sambungkannya:

وَالْعٰفِيْنَ عَنِ النَّٰسِ

Maksudnya: *Dan orang-orang yang memaafkan dari kesalahan manusia.*

(Surah ali-Imran: 134)

Kata tuannya: Aku maafkan engkau. Kemudian beliau berkata:

وَاللّٰهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِيْنَ

Maksudnya: *Dan Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan.*

(Surah ali-Imran: 134)

Lantas tuannya berkata: “Engkau sekarang telah merdeka dan aku memberikan engkau sebanyak seribu dinar sebagai ihsanku kepada engkau.”

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Jangan marah, sebab kemarahan hanya akan merosakkan keadaan jiwa, merubah perilaku, memburukkan pergaulan, merosakkan cinta dan memutuskan tali silaturahmi.
- ❖ **Pujangga berkata:** Jangan marah, tetapi jika harus marah diamlah dan berlindunglah kepada Allah daripada syaitan. Ubahlah posisi kedudukan anda jika berada dalam keadaan berdiri hendaklah duduk, berwuduk dan banyakkkan zikir.

Kisah Teladan

Pada suatu hari Khalifah Hisyam bin Abdul Malik masuk ke dalam Masjidil Haram, tiba-tiba dia melihat Salim bin Abdullah bin Umar bin al-Khattab RA seorang ulama besar dan termasuk salah seorang daripada fuqaha yang tujuh membawa kasutnya dengan kedua tangannya. Ada yang mengatakan bahawa serban, kasut dan bajunya hanya harga lebih kurang 13 dirham. Maka dia dilihat oleh Khalifah Hisyam bersama para amir (gabenor), para menteri dan para pengawal, lalu ia bertanya kepadanya: Wahai Salim, apakah kamu memerlukan sesuatu kepadaku? Salim berkata: Tidakkah kamu merasa malu berkata seperti itu di dalam rumah Allah? Ketika Hisyam keluar, dia menunggu Salim sampai dia keluar, lalu dia bertanya kepadanya: Wahai Salim! Sebentar tadi kita berada di dalam Masjidil Haram, sekarang kita berada di luar Masjidil Haram, apakah kamu memerlukan sesuatu dariku? Salim menjawab: Daripada kepentingan-kepentingan duniawi atau akhirat? Hisyam menjawab: Tentu sekali kepentingan-kepentingan dunia, Salim berkata: Demi Allah, yang tiada Tuhan selain dia, saya tidak memohon dunia dimiliki oleh-Nya, bgaimana mungkin saya akan memintanya daripadamu yang sangat miskin ini! Sesungguhnya manusia itu miskin. Apakah manusia itu mengira bahawa kalau dia sudah memiliki wang berjuta-juta, istana yang megah, rumah yang mewah ataupun teman-teman yang indah, dia telah memiliki dunianya. Dia tidak mengetahui bahawa kecukupan dan kekayaan akan menetap di dalam hati, tatkala hati itu hidup bersama iman.

Seorang penyair bermadah:

خُذُوا كُلَّ دُنْيَاكُمْ وَاتْرُكُوا فُوَادِي حُرًّا طَلِيقًا غَرِيبًا
فَإِنِّي أَعْظَمُكُمْ ثَرْوَةً وَإِنْ خِلْتُمُونِي وَحِيدًا سَلِيبًا

*Ambillah semua duniamu dan biarkanlah,
Hatiku merdeka, bebas dan terasing,
Sesungguhnya akulah orang yang paling kaya di antara kalian,
Walaupun kalian meninggalkanku sendiri tanpa mempunyai apa-apa.*